Jawab semua soalan.

Soalan Objektif

1 Rajah 1 menunjukkan suatu penyiasatan dengan menggunakan air.



Rajah 1

Apakah kesimpulan bagi penyiasatan ini?

A Cecair boleh terapung
B Cecair boleh mengalir
C Cecair mempunyai bentuk tetap
D Cecair boleh dimampatkan

2 Senarai di bawah menunjukkan ciri-ciri suatu bahan.

- Ia boleh mengalir.
- Ia tidak mempunyai bentuk tetap.
- Ia mempunyai isi padu tetap.

Antara yang berikut manakah boleh mewakili bahan itu?

A Udara
B Susu segar
C Batu
D Plastik

3 Maklumat berikut menunjukkan perubahan keadaan jirim.

Pepejal $\xrightarrow{S}$ **Cecair** $\xrightarrow{T}$ **Gas**

Antara yang berikut, yang manakah mewakili proses S dan proses T?

	S	T
A	Pendidihan	Pembekuan
B	Penyejatan	Peleburan
C	Peleburan	Pendidihan
D	Pembekuan	Pendidihan

4 Rajah 2 menunjukkan semangkuk ais berubah daripada X kepada Y.



Rajah 2

Apakah yang berlaku pada ais di Y?

A Ais telah melebur
B Ais telah tersejat
C Ais telah terkondensasi
D Ais mula membeku

5 Rajah 3 menunjukkan simulasi pembentukan awan dan hujan.



Rajah 3

LIVEWORKSHEETS

Apakah perubahan keadaan jirim yang berlaku dalam proses P dan Q?

	P	Q
A	Cecair → Gas	Cecair → Gas
B	Cecair → Gas	Gas → Cecair
C	Gas → Cecair	Cecair → Gas
D	Gas → Cecair	Cecair → Pepejal

6 Antara bekas berikut yang berisi jumlah air yang sama, yang manakah akan kering lebih cepat di bawah pancaran Matahari?

A

B

C


D

7 Maklumat yang berikut menunjukkan ciri-ciri suatu proses.

- Berlaku di permukaan cecair
- Berlaku pada sebarang suhu

Apakah proses itu?

A Pendidihan
B Penyejatan
C Peleburan
D Kondensasi

8 P, Q, R dan S ialah proses-proses yang terlibat dalam perubahan keadaan jirim.

P – Peleburan
Q – Pendidihan
R – Penyejatan
S – Kondensasi

Proses manakah yang menyebabkan perubahan keadaan jirim daripada cecair kepada gas?

A P dan Q
B P dan R
C Q dan R
D R dan S

9 Rajah 4 menunjukkan proses kitar air.



Rajah 4

Apakah yang diwakili oleh J, K dan L?

	J	K	L
A	Awan	Wap air	Hujan
B	Wap air	Awan	Hujan
C	Wap air	Hujan	Awan
D	Awan	Hujan	Wap air

LIVEWORKSHEETS